

29 JUL 2001

Mahathir-Ekuestrian

MALAYSIA DIJADIKAN PUSAT EKUESTRIAN

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat sukan ekuestrian yang lengkap di rantau Asia Tenggara dan akan membina satu trek untuk acara endurance.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dengan adanya trek itu, Malaysia akan dapat menganjurkan acara endurance peringkat dunia.

"Cadangan daripada Tenaga Nasional ialah trek dibuat di bawah talian elektrik," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan acara showjumping pada kejohanan Ekuestrian Antarabangsa Tenaga Nasional Bhd (TNB) 2001 di Kelab Polo dan Menunggang Kuda Selangor di Jalan Ampang Hilir di sini.

Berbeza dengan acara ekuestrian biasa, endurance ekuestrian meliputi jarak yang lebih jauh.

Dr Mahathir berkata acara endurance wajar dianjurkan di negara ini kerana Malaysia mempunyai peserta bertaraf dunia dalam acara ini, dan minat orang ramai juga semakin meningkat dalam sukan lumba berkuda.

Tahun lepas, peserta Malaysia Datuk Kamaruddin Abdul Ghani memenangi acara endurance sejauh 160km di Melbourne, Australia.

Perdana Menteri berkata beliau yakin jika penunggang Malaysia dikenal pasti dan dilatih dari kecil, mereka mempunyai potensi untuk menang pada pertandingan antarabangsa.

Beliau berkata dunia juga mengiktiraf Malaysia dalam ekuestrian kerana ramai peserta luar negara termasuk dari Eropah mengambil bahagian pada kejohanan Ekuestrian Antarabangsa TNB 2001 ini yang terbahagi kepada dressage dan showjumping.

"Usaha mempromosi sukan ini di negara ini perlu terus ditingkatkan dengan menganjurkan lebih banyak pertandingan," katanya.

Ketika ditanya mengenai prestasi pasukan Malaysia untuk Sukan SEA September ini, Dr Mahathir berharap mereka akan memenangi pingat pada sukan itu yang akan berlangsung di Malaysia.

Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang acara showjumping pada kejohanan Ekuestrian Antarabangsa TNB itu, iaitu juara Qabil Ambak dari Malaysia, kedua Nina Melkonian dari Jerman dan ketiga Cholada Weber dari Thailand.

Pengerusi TNB Datuk Dr Jamaludin Jarjis ketika ditemui kemudian berkata pihaknya sedang berbincang dengan Kelab Ekuestrian Polis untuk mengenal pasti tempat untuk mewujudkan trek endurance itu.

Katanya jarak trek itu akan dibuat sehingga melebihi 100km mengikut kategori peringkat antarabangsa.

"Kita hendak buat tahun ini, cadangan tempat bermulanya sedang dikenal pasti tetapi tempat ia berakhir adalah di Putrajaya," katanya.

Jamaluddin berkata usaha TNB itu merupakan satu tanggungjawab sosial kepada negara dan rakyat untuk membangunkan sukan baru.

-- BERNAMA

AZ DC MAI